

Singapura akui sukar selesai isu tertangguh

Oleh MUHD. NIZAM HAMID

LANGKAWI 15 Mei - Isu-isu membabitkan Malaysia dan Singapura yang tertangguh sejak sekian lama bukan mudah untuk diselesaikan dan perlu ditangani dengan sebaik mungkin supaya tidak menjejaskan hubungan dua hala.

Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong yang mengakui perkara itu berkata, persetujuan yang dicapai oleh kedua-dua negara untuk menerima apa jua keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) di Hague, Belanda berhubung isu tuntutan bertindih ke atas Pulau Batu Putih akan menjadi asas mengenai bagaimana Malaysia dan Singapura boleh menyelesaikan isu-isu lain selepas ini.

"Seperti yang saya katakan kepada Pak Lah (Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) ini (isu-isu tertangguh) bukan perkara mudah untuk diselesaikan...jika tidak, kita tak akan mewarisinya daripada Perdana Menteri terdahulu dan dalam kes saya (diwarisi daripada) dua Perdana Menteri sebelum saya (Lee Kuan Yew dan Goh Chok Tong).

"Sehubungan itu, kita perlu menangani isu-isu itu dengan cara yang boleh diterima kedua-dua belah pihak dan pada masa yang sama, tidak menjejaskan hubungan dua hala," katanya.

Beliau ditanya pemberita mengenai keseriusan Singapura menyelesaikan isu-isu dua hala yang tertangguh pada sidang akhbar bersama Abdullah Ahmad Badawi selepas kedua-duanya mengadakan pertemuan empat mata lebih sejam di Four Seasons Resort di Tanjung Rhu di sini, hari ini.

Dalam isu Pulau Batu Putih, kedua-dua negara bersetuju merujuk pertikaian berhubung tuntutan bertindih ke atas pulau yang dipanggil Singapura sebagai Pedra Blanca kepada ICJ.

Menurut Hsien Loong, perbincangan mengenai kes itu akan didengar pada November ini dan keputusan penghakiman dijangka dibuat tahun depan.

"Walau apa pun keputusannya, Singapura akan menerimanya begitu juga Malay-

usia," katanya sambil memberitahu rundingan berhubung isu-isu lain akan digerakkan selepas itu.

Kedua-dua negara mempunyai beberapa isu yang masih belum diselesaikan yang menjadi duri dalam daging dalam hubungan dua hala.

Ia termasuk harga air mentah yang dijual ke republik itu, pembangunan tanah milik KTMB di negara jiran seberang tambak itu, pengeluaran Wang Simpanan Pusat (CPF), penggunaan ruang udara Malaysia oleh tentera udara Singapura dan projek jambatan baru bagi menggantikan Tambak Johor yang berusia 80 tahun.

Terdahulu ketika merumuskan pertemuan tidak rasmi yang pertama dengan Abdullah di Langkawi, Perdana Menteri Singapura itu menyifatkannya sebagai sangat bermakna dalam meningkatkan hubungan dan interaksi yang lebih baik antara kedua-dua negara.

Hsien Loong memberitahu tujuan lawatan beliau itu pun adalah untuk meningkatkan kerjasama bagi menghadapi perkembangan pesat yang berlaku di China dan India.

Beliau menyatakan minat republik itu untuk turut serta dalam pembangunan Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) kerana yakin akan potensinya sebagai pusat perkembangan ekonomi dan pelancongan pada masa depan.

Mengenai kerjasama ASEAN, Hsien Loong berkata, beliau dan Abdullah sepakat tentang keperluan sebuah Piagam ASEAN sebagai dokumen penting yang akan menentukan hala tuju gagasan itu secara lebih kukuh dan efektif iaitu bukan diasaskan persetujuan bersama semata-mata.

Sebelum mengakhiri sidang akhbar hari ini, Hsien Loong yang dijadual berlepas pulang ke Singapura selepas menikmati jamuan tengah hari di atas kapal Star Cruises dan hidangan durian di resort kediaman eksklusif bersama Abdullah sempat mempelawa Perdana Menteri dan delegasi Malaysia mengadakan kunjungan rasmi serupa ke negaranya.

Kita perlu menangani isu-isu itu dengan cara yang boleh diterima kedua-dua belah pihak dan pada masa yang sama, tidak menjejaskan hubungan dua hala

LEE HSIEN LOONG
Perdana Menteri
Singapura



ABDULLAH Ahmad Badawi dan Lee Hsien Loong memilih durian yang dibawa khas dari Balik Pulau, Pulau Pinang untuk dinikmati bersama selepas pertemuan mereka di Four Seasons Resort, Langkawi, semalam.